

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' DR. HAJI NOOR AZMI  
BIN GHAZALI [ BAGAN SERAI ]**

**TARIKH** : **13 MAC 2019 [ RABU ]**

**SOALAN NO. 47**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah penyelesaian Kementerian untuk menangani masalah kucing dan anjing liar di kawasan perumahan dan apakah undang-undang terhadap penderaan haiwan mencukupi setakat ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Seksyen 73(1)(m), Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] telah memperuntukkan kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengadakan Undang-undang Kecil (UUK) Pelesenan Anjing untuk menyelia, melesen, menyita, memusnah dan melupuskan anjing liar dalam kawasan PBT. Di bawah UUK tersebut, semua anjing yang dipelihara hendaklah dilesenkan oleh PBT. Anjing yang tidak berlesen atau berlesen, yang merayau tanpa tuan di tempat awam adalah ditakrifkan sebagai anjing terbiar yang boleh diambil tindakan oleh PBT.

2. Di bawah Seksyen 80, Akta 171 juga memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk memberhentikan, memusnahkan dan menghapuskan segala kacau ganggu dari jenis awam dalam kawasan PBT, manakala Seksyen 81(b), Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk mengambil tindakan secara terus ke atas anjing dan kucing terbiar atau liar yang menjadi punca kacau ganggu kepada penduduk setempat.

3. Selain itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan PBT melalui Pekeliling Ketua Setiausaha KPKT Bilangan 5 Tahun 2014 bertarikh 9 Julai 2014 untuk diguna pakai oleh semua PBT di seluruh Malaysia. SOP ini juga digunakan bagi menguruskan kucing terbiar oleh PBT. PBT berkuasa menangkap, menyita, memusnah atau melupuskan anjing dan kucing terbiar dalam kawasan PBT mengikut SOP ini. SOP ini telah mengambil kira unsur-unsur kebajikan haiwan di mana tatacara penangkapan, pengendalian dan pelupusan anjing dan kucing terbiar dilaksanakan tanpa penganiayaan kepada haiwan.

4. Bagi menangani isu penderaan haiwan pula, Kerajaan telah menguatkuasakan Akta Kebajikan Haiwan 2017 (Akta 722) bagi memastikan pemilik haiwan bertanggungjawab ke atas keperluan kebajikan haiwan masing-masing. Di bawah Akta ini, sesiapa yang didapati bersalah melakukan penderaan atau kekejaman ke atas haiwan boleh didenda maksimum RM100,000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya.

Sekian, terima kasih.